

**Siasatan BERSIH: Hanif sedia jumpa Majlis Peguam
MalaysiaKini.com
May 28, 2012
Oleh Aidila Razak**

Bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar, yang mengetuai panel bebas yang akan menyiasat keganasan yang dikatakan berlaku semasa perhimpunan BERSIH 3.0, sedia "bertemu dengan Majlis Peguam dan mana-mana pihak lain" demi kebaikan bersama".

Mengenai kebimbangan mungkin ada pihak-pihak tertentu seperti Majlis Peguam dan BERSIH yang tidak mahu bekerjasama, Hanif berkata: "Saya ingin nyatakan bahawa panel ini hanyalah satu saluran alternatif untuk mereka yang sedia bekerjasama secara sukarela.

"Dalam hal ini, saya sanggup berjumpa dengan Majlis Peguam atau mana-mana pihak, termasuk hadir di pejabat mereka sendiri demi kebaikan bersama," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, panel itu harus dilihat sebagai satu saluran alternatif bagi mereka yang ingin mendapatkan gambaran sebenar mengenai insiden 28 April dan penyertaan mereka yang sedia bekerjasama secara sukarela".

"Adalah menjadi harapan saya agar panel ini diberi ruang untuk menjalankan tugasnya tanpa sebarang prasangka dari mana-mana pihak," katanya.

Hanif telah menjadi sasaran kritikan ekoran kenyataan yang dibuatnya mengenai perhimpunan tersebut dan pihak penganjur, sebelum beliau dilantik mengetuai panel tersebut.

Ini termasuk mengesyaki anasir komunis di belakang BERSIH dan perhimpunan tersebut mungkin satu cubaan rampasan kuasa.

Bagaimanapun, beliau telah mempertahankan pelantikannya dengan mengatakan rekodnya membuktikan beliau bertindak dengan integriti.

Panel juga telah dikritik kerana ia tidak mempunyai kedudukan undang-undang dan tidak boleh mensepina saksi.

Bagaimanapun, Hanif menggesa mereka yang mempunyai maklumat mengenai perhimpunan BERSIH 3.0 tampil ke hadapan.

Kenyataan akhbar itu dikeluarkan kepada media pada kira-kira jam 3 petang, selepas mesyuarat pertama panel tersebut. Ia membatalkan rancangan awalnya untuk sidang akhbar selepas itu.

Mesyuarat tersebut dihadiri Editor Pengurusan Sinar Harian, Datuk Hussamuddin Yaacob (tengah dalam gambar); pakar psikologi, Dr Rozami Ismail dan penasihat undang-undang kumpulan Sin Chew, Liew Peng Chuan. Ahli panel lain tidak dapat menghadiri atas sebab-sebab

yang tidak dapat dielakkan.

Sementara itu, Bernama melaporkan, penyiasatan panel bebas akan berpandukan kepada 10 terma rujukan.

Haniff berkata salah satu daripada terma tersebut ialah bagi membuktikan sama ada berlaku serangan rambang, meluas dan liar ke atas tubuh badan serta ganas oleh anggota polis terhadap orang ramai dan pengamal media profesional.

"Ia dikehendaki membuktikan sama ada halangan secara tidak mengikut undang-undang dikenakan ke atas peguam yang ingin menemui pelanggan mereka yang ditahan.

Haniff berkata seluruh terma itu telah dibincang dalam mesyuarat pertama panel tersebut yang diadakan pada Jumaat lepas.

Satu lagi aspek terkandung dalam terma itu ialah menggunakan segala cara yang ada dan secara berbincang dengan semua individu dan pihak berkenaan yang akan bekerjasama, membuktikan punca berlakunya huru-hara di sekitar Dataran Merdeka, dan di kawasan menuju ke situ, serta juga keadaan sebenar kekacauan yang dilaporkan telah terjadi dari pukul 3 petang hari berkenaan.

Panel dikehendaki menggunakan semua keterangan yang diberi atau didedahkan melalui penyiasatan atau pemeriksaan, membuktikan sama ada sebarang tindakan tidak mengikut undang-undang atau yang tidak menghiraukannya, adalah penyebab atau disebabkan oleh pihak yang terbabit.

Badan penyiasat bebas itu hendaklah membuktikan sama ada agensi penguatkuasa telah mematuhi prosedur yang betul dan mengikut undang-undang dalam tindakan pada setiap masa terutama sekali dalam menggunakan kekerasan termasuk melepaskan tembakan gas pemedih mata dan semburan air.

Ia dikehendaki membuktikan sama ada rampasan tidak mengikut undang-undang dan pemusnahan gambar foto dan rakaman video oleh orang awam atau ahli profesional media telah terjadi yang dengan sengaja merosakkan perkakasan rakaman mereka.

Kenyataan Haniff itu menyebut bahawa panel itu perlu membuktikan sama ada berlaku rampasan atau tangkapan yang tidak mengikut arahan ke atas orang ramai dan petugas media profesional dan sama ada orang ramai atau perseorangan diserang dan dipukul serta mengalami cedera parah semasa dalam tahanan polis.

Panel hendaklah membuktikan langkah diambil oleh penganjur untuk menentukan bahawa perhimpunan secara besar-besaran itu akan berjalan secara aman dan selepas itu bersurai secara aman.

Badan penyiasat bebas itu perlu memastikan sama ada langkah yang diambil sudah cukup munasabah dan menjadikannya pengajaran untuk membuat perakuan yang wajar bagi kelakuan

yang perlu dipatuhi untuk perhimpunan dan perarakan aman di masa akan datang.

Panel akan menyemak balik prosedur tetap operasi polis dalam mengawal orang ramai dan perhimpunan, dan dalam mengendalikan kekacauan dan rusuhan, berpandukan amalan terbaik dan perakuan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selain itu badan penyiasat itu dikehendaki melihat contoh terbaik amalan dalam masyarakat demokratik yang matang dan juga amalan sosio politik pelbagai latar belakang, untuk membuat perakuan yang sesuai jika perlu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malysiakini.com/news/199266>